



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 27 MEI 2024

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	JUALAN AGRO MADANI USAHA TANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT - ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	INVASIVE SPECIES IN OUR RIVERS, NATION, NST -8	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	SPESES ASLI IKAN TEMPATAN DI LEMBAH KLANG BAKAL PUPUS, NASIONAL, BH -16	
4.	LEBIH 600 'IKAN ALIEN' MASUK DALAM JALA, DALAM NEGERI, SH-23	
5.	ANGKARA IKAN BANDRAYA, LOKAL, HM -13	
6.	MEKANISME SUBSIDI DIESEL DIMAKLUM MASA TERDEKAT, DALAM NEGERI, UM-3	
7.	SUNGAI KUYOH MAKIN KRITIKAL, NEGARA, KOSMO-15	
8.	KERAJAAN BELUM TETAP TARIKH PELAKSANAAN PENYASARAN SUBSIDI DIESEL, ONLINE	
9.	PESAWAH RUGI BENDANG DIGENANGI AIR, DALAM NEGERI, UM -37	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
10.	PESAWAH RUGI 30 HEKTAR SAWAH DIGENANGI AIR, NASIONAL, BH -19	
11.	KAMI MAHU TANAM PADI BUKAN KANGKUNG, NEGARA, KOSMO-15	
12.	20 PESAWAH TANGGUNG RUGI AKIBAT MASALAH PERPARITAN CETEK, DALAM NEGERI, SH-25	
13.	AGROBANK SERAH DANA RM150,000, BISNES, HM -23	AGROBANK
14.	SURI RUMAH TAK SANGKA MENANG LEMBU, NEGERI, SH-25	LAIN-LAIN
15.	MEMPELAM FARM HASILKAN 10 TAN HARUMANIS, RINGGIT, UM-28	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/5/2024	UTUSAN BORNEO	ONLINE	ONLINE

Jualan Agro Madani usaha tangani kos sara hidup rakyat



TAWAU: Program Jualan Agro Madani adalah usaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi menangani kos sara hidup rakyat dan meningkatkan pendapatan usahawan tempatan di negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, program ini memastikan nasib golongan memerlukan sentiasa terpelihara dalam menghadapi kos sara hidup yang tinggi.

Katanya, usaha, galakan dan sokongan berterusan akan dilaksanakan bagi usaha membantu golongan berpendapatan rendah terutamanya kumpulan B40 dan M40.

"Jualan ini juga turut membantu rakyat mendapatkan akses barangan makanan asas terus daripada pengeluar dan pengusaha.

"Justeru, program ini dapat menyumbang kepada peningkatan, kebolehdapatan dan ketersediaan bagi memudahkan pengguna mendapatkan bekalan pada kadar harga yang berpatutan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Karnival Jualan Agro Madani Mega yang diadakan di perkarangan Majlis Perbandaran Tawau (MPT), di sini hari ini.

Mengulas lanjut, katanya, pengguna yang datang membeli di karnival ini juga dapat menikmati sehingga 30 peratus potongan harga kerana ia tidak melibatkan orang tengah.

“Kita telah membawa sebanyak 4,000 kampak beras dalam program kali ini dan dijual pada harga lebih murah iaitu RM25 untuk 10 kilogram.

“KPKM menyasarkan nilai jualan sebanyak RM850,000 sepanjang tiga hari tempoh karnival di daerah ini dengan menarik kehadiran kira-kira 30,000 orang pengunjung,” katanya.



BANTUAN: Arthur bersama wakil-wakil usahawan yang menerima cek cura dalam majlis berkenaan.

Menurutnya, Jualan Agro Madani akan diperluaskan pelaksanaannya dengan sasaran sebanyak 5,000 lokasi sehingga Oktober tahun ini.

“Pencapaian Jualan Agro Madani pada tahun lalu mendapat sambutan sangat menggalakkan dan telah mencatatkan nilai jualan RM93.74 juta setelah diadakan di 5,608 lokasi seluruh negara.

“Program ini juga berjaya mencatatkan nilai penjimatan sebanyak RM27.8 juta kepada 11.6 juta isi rumah,” katanya.

Terdahulu, Arthur turut menyampaikan cek cura bernilai RM483,850 kepada usahawan di daerah ini dan sekitarnya yang terlibat meliputi beberapa projek kementerian.

Ia termasuklah Naiktaraf Agrobazaar RNR, Naiktaraf Agrobazaar Kedai Rakyat dan Agrobazaar Rakyat, Medan Gerai Buah-buahan Segar Semporna, Naiktaraf K-Shoppe dan Naiktaraf Imej Produk.

Turut hadir, Ahli Parlimen Tawau, Datuk Lo Su Fui dan Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Aminuddin Zulkipli.

New Straits Times • MONDAY, MAY 27, 2024

8

NEWS / Nation

FOREIGN FISH HUNTING PROGRAMME

INVASIVE
SPECIES IN
OUR RIVERS

Foreign fish have taken over Klang Valley rivers, threatening survival of native fish

NOOR ATIQA SULAIMAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MORE than 80 per cent of rivers in the Klang Valley have been invaded and inhabited by foreign fish, which can cause the extinction of the rivers' indigenous aquatic life.

Among the foreign fish invading five rivers, including Sungai Kuyoh, Sungai Klang, and Sungai Keroh, are black tilapia, sucker-mouth catfish, African catfish, Javanese carp and jaguar fish.

This has caused native fish to nearly disappear as their habitats have been taken over by foreign species, which are predatory in nature.

Fisheries Department director-general Datuk Adnan Hussain said the situation was most critical in Sungai Kuyoh, Bukit Jalil, where 99 per cent of its habitat has been taken over by predatory foreign species.

He said that in an operation conducted in less than two hours,

600 foreign fish were caught by more than 200 community members and agencies.

"No native fish was caught. If there was any, it might be just one or two.

"This is not good for the ecosystem, and it is the responsibility of everyone to reduce the number of foreign fish.

"Releasing foreign fish into the ecosystem, whether intentionally or not, will not help increase the biodiversity of our native fish.

"So the effort to hunt foreign fish is to balance our ecosystem to enable our waters to accommodate native fish again."

Adnan said this after attending a foreign fish hunting programme with the community at Sungai Kuyoh here.

The operation also received cooperation from Aquaria Kuala Lumpur Convention Centre and participants from government and private agencies, Urban Fish Hunters community club, residents and higher learning institutions.

Commenting on the catch at



Fisheries Department director-general Datuk Adnan Hussain (right) and Aquawalk executive director Daryl Foong showing the catch at Sungai Kuyoh, Bukit Jalil, yesterday. PIX BY ASWADI ALIAS



People participating in the foreign fish hunting programme at Sungai Kuyoh yesterday.

Sungai Kuyoh, Adnan said the ratio was unbalanced.

"However, other ecosystems are still in a good and controlled condition. We are focusing on areas that require joint conservation efforts."

Besides rivers in the Klang Valley, his department has also received reports of foreign fish in Sungai Perak and Sungai Pahang.

"However, it is not as critical as at Sungai Kuyoh.

"Because of this, the department has improved regulations to include certain species of foreign fish from being brought into the country."

Asked about action taken against those releasing foreign fish into rivers, Adnan said his department was focused more on awareness campaigns.

"(They) may not understand that certain species should not be released into these waters. Firstly, we have met the community to provide advice and on what action they should take.

"Secondly, for sensitive and critical areas, we will put up posters or signs to state that these activities should not be carried out.

"Several states have laws and can take action against those concerned."

Spesies asli ikan tempatan di Lembah Klang bakal pupus

Lebih 80 peratus hidupan asing kuasai, diami secara kekal lima sungai utama

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Hidupan asli dalam sungai sekitar Lembah Klang dijangka pupus tidak lama lagi apabila lebih 80 peratus saluran itu sudah dijajah dan didiami ikan asing secara kekal.

Difahamkan, antara spesies ikan asing yang mencaroboh kira-kira lima sungai utama di Lembah Klang seperti Sungai Kuyoh, Sungai Klang dan Sungai Keroh adalah talapia hitam, ikan bandaraya, keli afrika, lampam jawa serta ikan jaguan.

Situasi ini menyebabkan habitat ikan asli di sungai berkenaan hampir pupus dan sukar dikesan kerana diambil alih oleh ikan asing daripada jenis pemangsa.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Adnan Hussain, berkata paling kritikal dilaporkan di Sungai Kuyoh, Bukit Jalil kerana 99 peratus habitatnya kini adalah daripada ikan asing.

Katanya, dalam operasi yang dijalankan tidak sampai dua jam itu menyaksikan 600 ikan asing

berjaya ditangkap oleh lebih 200 komuniti dan pihak agensi yang turut serta dalam operasi memburu ikan asing itu.

"Tidak ada pun ikan asli yang dapat ditangkap, jika ada pun mungkin seekor, dua. Apa yang dilihat ini tidak baik kepada ekosistem dan menjadi tanggungjawab kita membantu mengurangkan kehadiran ikan asing."

"Melepaskan ikan asing dalam ekosistem sama ada secara sengaja atau tidak, tidak akan membantu meningkatkan biodiversiti ikan asli kita. Jadi usaha untuk buru ikan asing ini bertujuan untuk mengimbangi ekosistem kita bagi membolehkan perairan kita dapat menempatkan kembali ikan asli," katanya ditemui pada program memburu ikan asing bersama komuniti di Sungai Kuyoh, Bukit Jalil, di sini semalam.

Tiada ikan tempatan

Operasi itu turut mendapat kerjasama Aquaria KLCC dan peserta terdiri daripada agensi kerajaan dan swasta, kelab komuniti Pemburu Ikan Bandaraya, penduduk setempat serta institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Mengulas lanjut mengenai tangkapan di Sungai Kuyoh itu, Adnan berkata nisbah yang diterima itu tidak seimbang kerana tiada satu pun ikan asli yang berjaya ditangkap.

"Tetapi di ekosistem lain masih berada dalam keadaan baik dan terkawal. Kita kini banyak memberi tumpuan kepada kawalan

san yang perlu pemuliharaan secara bersama," katanya.

Selain sungai di Lembah Klang, pihaknya turut menerima laporan kehadiran ikan asing di Sungai Perak dan Sungai Pahang yang mempunyai spesies seperti ikan baung ekor merah.

"Namun, ia tidak sampai kritikal seperti di Sungai Kuyoh dan keadaannya masih terkawal. Disebabkan itu pihak jabatan sebelum ini menambah baik peraturan untuk memasukkan beberapa spesies ikan asing sebagai haiwan larangan dibawa masuk ke pintu masuk negara," katanya.

Ketika ditanya mengenai tindakan terhadap individu melepaskan ikan asing disebabkan ritual keagamaan serta membayar nazar, Adnan berkata, pihaknya lebih banyak menumpukan kepada kempen kesedaran.

"Pendekatan yang kita ambil kini tidak bersifat penguatkuasaan kerana kita tahu individu (yang melakukan ritual keagamaan atau membayar nazar) mungkin berniat baik tetapi tidak memahami ada spesies tertentu tidak sepatutnya dilepaskan di perairan."

"Pertamanya, kita sudah bertemu dengan komuniti itu untuk memberi nasihat dan apa tindakan sewajarnya yang perlu mereka ambil. Keduanya bagi kawasan sensitif dan kritikal, kita akan naikan poster atau papan tanda untuk menyatakan bahawa aktiviti itu tidak sepatutnya dilakukan," katanya.



Adnan (kanan) bersama Pengarah Eksekutif Aquawalk Sdn Bhd, Daryl Foong menunjukkan ikan yang ditangkap pada program memburu ikan asing bersama komuniti di Sungai Kuyoh, Bukit Jalil, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)



Antara peserta yang mengikuti program memburu ikan asing bersama komuniti di Sungai Kuyoh, Bukit Jalil, semalam.

Lebih 600 'ikan alien' masuk dalam jala



Longgokan ikan bandaraya dan tilapia yang ditangkap dengan menggunakan jala di Sungai Kuyoh, Bukit Jalil pada Ahad.

Ditangkap dalam tempoh dua jam, situasi yang membimbangkan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
KUALA LUMPUR

Lebih 600 ekor ikan asing atau dikenali sebagai 'ikan alien' seberat 400 kilogram (kg) ditangkap dalam hanya tempoh dua jam di Sungai Kuyoh, Bukit Jalil di sini pada Ahad.

Program berstruktur itu dijalankan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dengan kerjasama Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya selain penglibatan agensi kerajaan, swasta, Universiti Utara Malaysia (UUM) serta Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Ketua Pengarah DOF, Datuk Adnan Hussain berkata, tangkapan ikan menggunakan kaedah menjala itu mendapati 99 peratus merupakan ikan asing yang mana majoritinya ialah ikan bandaraya atau pleco dan tilapia.

"Ada juga spesies asing lain yang ditangkap iaitu keli Afrika dan inilah antara spesies yang kuasai sungai kita."

"Amat mengejutkan, situasi ini sangat membimbangkan kerana sepanjang dua jam, hanya dua ekor ikan spesies asli ditangkap iaitu ikan puyu," katanya kepada pemberita semasa Program Memburu Ikan Asing Bersama Komuniti di sini pada Ahad.

Hadir sama, Pengarah Eksekutif Aquawalk Sdn Bhd, Daryl Foong.



Adnan (kanan) menunjukkan saiz ikan bandaraya yang agak besar berjaya ditangkap di Sungai Kuyoh, Bukit Jalil pada Ahad.

Tambah Adnan, pemburuan spesies invasif itu bertujuan menyeimbangkan ekosistem bagi memastikan perairan sungai negara selamat untuk pelepasan spesies ikan asli.

Katanya, ikan bandaraya paling besar ditangkap dalam program berkenaan iaitu lebih 1kg, manakala keli Afrika pula lebih 4kg.

"Kalau tengok nisbah di Sungai Kuyoh ini sangat membimbangkan selain beberapa sungai di sekitar

Lembah Klang.

"Ada juga laporan ancaman ikan asing iaitu baung ekor merah di Sungai Pahang dan Sungai Perak," ujarnya.

Adnan berkata, program memburu ikan asing sebegini juga akan diteruskan di Sungai Langat.

Justeru, beliau berkata, DOF mengajak semua pihak supaya mengamalkan sikap bertanggungjawab agar tidak melepaskan spesies asing ini ke perairan negara.



Oleh Noor Hidayah
Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Perairan darat di beberapa kawasan di Lembah Klang boleh dianggap 'kritikal' apabila 'ditakluki' ikan asing terutama ikan bandaraya hingga menjejaskan sumber ikan asli.

Difahamkan, kira-kira 80 peratus sungai di ibu negara berdepan 'serangan' spesies ikan asing mendominasi perairan darat di kawasan berkenaan.

Ketua Pengarah Perikanan Datuk Adnan Hussain berkata, selain Lembah Klang antara negeri lain yang turut dikesan mempunyai populasi ikan asing ialah sungai di Perak dan Pahang yang berdepan ancaman ikan baung ekor merah.

Bagaimanapun, katanya, keadaan di negeri lain lebih terkawal dan tidak terjejas terlalu serius berbanding di Lembah Klang terutama di Sungai Kuyoh, Bukit Jalil, di sini.

"Sungai Perak dimaklumkan ada ikan baung ekor merah, beberapa kawasan di Sungai Pahang ada baung ekor merah, di beberapa kawasan di perairan umum seperti bekas lombong dan tasik mempunyai 'peacock bass' namun masih terkawal.

"Ia tidak sampai ke tahap kritikal seperti di Sungai

Angkara ikan bandaraya!

Perairan darat di beberapa kawasan di Lembah Klang 'ditakluki' ikan asing



KIRA-KIRA 80 peratus sungai di ibu negara berdepan 'serangan' spesies ikan asing - Gumbor
NSTP/ASWADI/ALIAS

ngan pelbagai pihak untuk memburu ikan bandaraya di Sungai Kuyoh yang dalam masa hanya dua jam saja peserta sudah berjaya mengumpulkan 600 pelbagai spesies ikan seperti tilapia hitam, ikan bandaraya, keli Afrika, lampam jawa dan ikan jaguar.

"Boleh dikatakan spesies yang diperolehi adalah 99 peratus ikan asing dengan menyarankan tangkapan sehingga lebih 1,000 ikan asing," katanya.

Katanya, program itu juga dilakukan di lokasi lain iaitu di Skudai, Johor dan pihaknya juga akan menganjurkan program sama di Sungai Langat pada Jun ini.

"Ini antara usaha mengekang populasi spesies ikan asing invasif daripada terus membanjiri perairan umum hingga menjejaskan spesies ikan asli dalam ekosistem perairan negara," katanya.



Ini nisbah yang tidak seimbang dan tidak baik untuk ekosistem perairan negara"

Adnan

Kuyoh (dan lokasi berkenaan) masih ada ikan asli. Sungai Kuyoh kita tak nampak ikan asli, adalah seekor dua ikan puyu, ikan keli bunga kita dapat, tetapi kebanyakannya ikan asing.

"Ini nisbah yang tidak seimbang dan tidak baik untuk ekosistem perairan negara," katanya pada program memburu ikan asing di Sungai Kuyoh, Bukit Jalil, di sini, semalam. Program berkenaan membabitkan penyertaan 200 peserta terdiri daripada agensi kerajaan dan swasta, kelab komuniti memburu ikan bandaraya, penduduk setempat serta institut pengajian tinggi awam (IPTA).

Adnan berkata, hasil inventori pada tahun lalu di enam sungai di Lembah Klang iaitu Sungai Batu, Sungai Gombak, Sungai Jinjang, Sungai Keroh, Sungai Klang dan Sungai Kuyoh mendapati spesies ikan tilapia adalah paling banyak ditemui selain ikan bandaraya dan keli Afrika. Katanya, konservasi sudah dilakukan pada tahun sama dengan pelepasan sebanyak 80,000 ribi ekor benih termasuk induk ikan tempatan iaitu ikan lampam sungai, terbul dan

baung bagi tujuan menanam bah stok ikan di kawasan Kuala Lumpur.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pihaknya sentiasa komited menyelesaikan isu berkenaan termasuk menjalankan kempen membasmi ikan asing melalui program memburu spesies itu bagi mengurangkan populasinya di perairan darat negara.

"Kita bekerjasama de-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27 /05/2024	UM	DALAM NEGERI	3



ANWAR Ibrahim melihat Pameran Era Pascanormal Madani ketika hadir merasmikan majlis itu di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

Mekanisme subsidi diesel dimaklum masa terdekat

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
juani.bakar@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Mekanisme dan tarikh pelaksanaan penyasaran subsidi bahan api diesel akan dimaklumkan dalam masa terdekat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan akan memberikan penjelasan berhubung perkara itu.

"Ada orang tanya mengapa? Bukan semua Perdana Menteri yang lakukan. Saya beri gambaran, kerangka besar kemudian akan ada tindakan susulan.

"Sebab itu saya bezakan perkara dasar dan titik bengkok," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri Pameran

Era Pasca Normal Madani, di sini semalam.

Selasa lalu, Jemaah Menteri bersetuju untuk melaksanakan penyasaran subsidi ke atas diesel sekali gus dapat memberi penjimatan kepada kerajaan sekitar RM4 bilion setahun.

Dalam pada itu, Anwar menemplak kenyataan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainudin yang mengajak Perdana Menteri agar turun ke pasar-pasar basah bagi meninjau kenaikan harga barang yang semakin menghimpit rakyat.

Perdana Menteri berkata, beliau setiap masa turun padang mendekati rakyat untuk melihat sendiri keluhan mereka berhubung masalah dihadapi.

"Kerja saya saban minggu, saya ke warung kecil, ke pasar,

tiap kali sebelum jumaat tanya (rakyat) harga.

"Saya fikir dia elak jawapan parti itu dukung tauke besar," katanya.

Sementara itu, berhubung dengan isu Latihan Ijazah Lanjutan Kepakaran atau 'parallel pathway', Perdana Menteri berkata, perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet, Rabu ini.

Terdahulu dilaporkan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) menjadi satu-satunya universiti yang menawarkan program *parallel pathway* dengan kerjasama IJN dalam bidang kardiotoraks.

Mengulas mengenai calon Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang baharu, Anwar berkata, calonnya sudah diked-

nal pasti.

"Proses pemilihan ketua baharu SPR itu telah dilakukan dan perlu mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong. Timbalan Pengerusi SPR tidak terlibat dalam proses pemilihan Pengerusi suruhanjaya itu kerana kerajaan mengikut proses ditetapkan selama ini," jelasnya.

Anwar juga turut diminta mengulas mengenai calon Yang Dipertua Dewan Negara dan beliau berkata, ia akan ditentukan selepas berbincang bersama pimpinan parti Gabungan Parti Sarawak (GPS) esok.

Katanya, beliau akan berbincang dengan pimpinan parti pada peringkat awal dan seterusnya pimpinan Sarawak selepas mengadakan kunjungan ke Sarawak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/05/2024	KOSMO	NEGARA	15



AHLI Kelab Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya dan sukarelawan melakukan aktiviti menjala pada program memburu ikan asing bersama komuniti di Sungai Kuyoh, Bukit Jalil, Kuala Lumpur. - FARIZ RUSADIO

99 peratus 'penghuni' adalah ikan alien

Sungai Kuyoh makin kritikal

Oleh FATIN FILZATI BADRUL

KUALA LUMPUR - Lebih 600 ekor ikan asing atau lebih dikenali sebagai 'ikan alien' termasuk ikan bandaraya ditangkap dalam tempoh dua jam di Sungai Kuyoh, Bukit Jalil di sini semalam.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan, Datuk Adnan Hussain berkata, keadaan itu membimbangkan pihaknya kerana ia boleh merosakkan ekosistem perairan negara.

"Kita tidak jumpa lagi ikan asli di Sungai kuyoh. Hanya ada se-ekor dua ikan puyu dan keli kayu.

"Kebanyakannya adalah ikan asing. Sungai ini sangat kritikal selain beberapa empangan lain di Lembah Klang," katanya ketika ditemui selepas pelancaran



ADNAN (kanan) menunjukkan hasil tangkapan ikan asing pada program memburu ikan asing bersama komuniti semalam.

Program Memburu Ikan Asing Bersama Komuniti di Bukit Jalil

semalam. Selain tilapia hitam dan ikan

bandaraya, turut ditangkap keli afrika, lampam jawa dan jaguar.

Menurut beliau, lebih 80 peratus sungai di Lembah Klang mempunyai ikan asing selain Sungai Perak dan Pahang.

Adnan memberitahu, program memburu ikan asing tersebut dilaksanakan dalam usaha mengimbangi ekosistem bagi membolehkan perairan mendapatkan kembali ikan asli.

"Saya menyeru semua pihak supaya mengamalkan sikap bertanggungjawab sama ada secara sedar atau tidak untuk tidak melepaskan spesies ikan alien ke perairan negara.

"Melepaskan ikan asing tidak membantu untuk kita meningkatkan biodiversiti ikan asli kita," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/5/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

Kerajaan belum tetap tarikh pelaksanaan penyasaran subsidi diesel



Armizan (dua dari kanan) bergambar selepas Majlis Penyerahan Fleet Card di Kawasan Rehat dan Rawat Klang Utara Lebuhraya Grand Sepadu pada Khamis.

KLANG - Kerajaan belum menetapkan tarikh sebenar pelaksanaan penyasaran subsidi diesel meskipun secara prinsipnya ia akan dilaksanakan pada tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, perkara itu hanya akan dilaksanakan sekiranya Jemaah Menteri berpuas hati dengan segala mekanisme penyasaran tersebut termasuk memastikan semua kumpulan sasar layak mendapatkan bantuan sosial tersebut.

Beliau memberitahu, kerajaan akan memastikan supaya penyasaran subsidi itu diperkemas dan diperkukuhkan terlebih dahulu sebelum membuat pengumuman pelaksanaannya kelak.

"Apa yang disebut PM (Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim) ini merupakan penyasaran subsidi iaitu menyasarkan mereka yang layak untuk dibantu dan bukan lagi bantuan subsidi diesel secara pukal yang juga dinikmati oleh mereka yang tidak bersesuaian termasuk warga asing," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Fleet Card di Kawasan Rehat dan Rawat Klang Utara Lebuhraya Grand Sepadu pada Khamis.

Armizan berkata, penyasaran semula bahan api diesel itu bukan sahaja melibatkan kementeriannya, malah beberapa kementerian lain iaitu Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Perlindungan dan Komoditi dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).

Bagaimanapun, katanya, semua kementerian telah bersedia sekiranya kerajaan membuat pengumuman berhubung pelaksanaan itu nanti.

Jelas beliau, Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 2.0 bukanlah sistem baharu tetapi ia telah dilaksanakan sejak tahun 2013.

"Cuma kita perkukuhkan dengan perluasan kepada jenis kenderaan sektor pengangkutan darat," tambahnya.

Dalam pada itu, katanya, sebanyak 28,000 syarikat pengangkutan darat telah mendaftar dan mendapat kelulusan dalam pelaksanaan SKDS 2.0 setakat Rabu.

elias beliau, daripada jumlah itu, sebanyak 90,000 fleet card dikeluarkan oleh lima syarikat minyak utama kepada syarikat pengangkutan yang layak.

"Setakat ini, sebanyak 33 jenis kenderaan sektor pengangkutan darat layak untuk mendapatkan diesel subsidi di bawah SKDS," ujar beliau.

Sehubungan itu, katanya, syarikat yang terlibat diharap dapat membuat permohonan sebelum pelaksanaan penyasaran subsidi diumumkan kerajaan.

"Kita menasihatkan syarikat pengangkutan membuat permohonan segera kerana kita khuatir sebaik sahaja pengumuman nanti dibuat, maka akan berlaku kesesakan dalam permohonan itu.

"Sekurang-kurangnya dengan permohonan segera mereka telah pun bersedia dan mendapat fleet card tersebut," tambah beliau.

Pada Selasa lalu, kerajaan bersetuju melaksanakan penyasaran subsidi ke atas bahan api diesel yang hanya akan melibatkan pengguna di Semenanjung Malaysia

Keputusan itu tidak melibatkan pengguna Sabah dan Sarawak kerana penduduk di sana kebanyakannya menggunakan diesel untuk urusan seharian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27 /05/2024	UM	DALAM NEGERI	37

Pesawah rugi bendang digenangi air

Oleh JAMLIH ABDULLAH
utusannews@mediamula.com.my

PENDANG: Kira-kira 20 pesawah di Kampung Alor Ali dan Kampung Tok Pauh, Bukit Raya di sini meminta pihak berkenaan menyelesaikan masalah saliran di kawasan berkenaan yang mengakibatkan bendang mereka tidak dapat diusahakan sejak lima tahun lepas.

Penduduk mendakwa, sebanyak 30 hektar sawah di kawasan itu terjejas ekoran sungai tidak

diselenggara dengan baik sehingga mendatangkan pelbagai masalah termasuk banjir kilat.

Seorang pesawah, Abd Ghaffar Abd Hamid, 45, berkata, kali terakhir mereka mengadu masalah berkenaan kepada pihak terlihat adalah 12 Mei lalu, namun sehingga kini belum memperoleh sebarang maklum balas.

"Masalah sungai ini terlalu cetek sehinggalah apabila hujan kawasan bendang akan banjir sehingga memasuki rumah kami. Selain itu, air sungai yang me-

limpah mengakibatkan pesawah tidak dapat mengusahakan bendang masing-masing.

"Bendang kami sekarang mula ditumbuhi kangkung saja. Petani kerugian sejak lima tahun lepas. Kami mahu tanam padi bukan kangkung," katanya ketika ditemui di Kampung Alor Ali, Bukit Raya, di sini semalam.

Abd. Ghaffar menambah, pesawah sebelum ini menyewa jangkaut untuk mengorek bagi mendalamkan sungai berkenaan namun masalah yang sama beru-

lang. "Kami tidak mampu kerana kerja petani sahaja. Kami kutip duit seorang RM50 sewa jangkaut untuk korek tetapi sekejap sahaja masalah selesai," katanya.

Ahmad Fuzi Bahari, 62, pula berkata, bila musim menanam, petani di kawasan berkenaan kerugian sehingga RM1,000 setiap relung kerana mereka tidak dapat mengusahakan sawah.

"Sekarang sudah masuk musim buat bendang tetapi tengoklah bendang kami macam laut

sahaja penuh air. "Macam mana nak tabur benih kalau macam ini sedangkan pada masa yang sama kami berhutang benih padi dan baja daripada pihak MADA (Lembaga Kema-juan Pertanian Muda). Kali terakhir pihak tersebut menyelenggara sungai itu adalah tujuh tahun lepas," jelasnya.

Ahmad Fuzi Bahari, 62, pula berkata, mereka menaruh harapan tinggi agar masalah saliran dapat diselesaikan segera bagi mengelak petani kerugian.

Pesawah rugi 30 hektar sawah digenangi air

Sungai tidak diselenggara dengan baik didakwa jadi punca

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Pandang: Kira-kira 20 pesawah di Kampung Alor Ali dan Kampung Tok Pauh, di sini kerugian puluhan ribu setiap musim berikutan lebih 30 hektar sawah digenangi air, dipercayai akibat sungai tidak diselenggara dengan baik menyebabkannya semakin cetek, selain dipenuhi kangkung liar sehingga saluran air terganggu dan bertakung.

Pesawah, Abdul Hamid Ghafar, 45, berkata keadaan itu berlarutan sejak lima tahun lalu biarpun sudah berpuluh kali aduan dibuat kepada pihak bertanggungjawab.

"Apabila musim hujan, ini lah masalah kami, air bertakung, sedangkan pihak Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) minta kami ikut jadual tanaman, tapi macam mana nak ikut kalau air masih bertakung.

"Begitu juga pada musim panas, air tak boleh masuk ke dalam sawah menyebabkan proses tumbesaran padi terbantut, setiap kali musim tanam padi kami akan rugi RM1,000 bagi setiap 0.3 hektar atau satu relung sawah yang kami usahakan," katanya ketika ditemui di Kampung Alor Ali, di sini semalam.

Aduan tiada tindakan

Sementara itu, pesawah, Ahmad Puzi Bahari, 62, berkata kali te-



Pesawah menunjukkan kangkung liar yang menyebabkan sistem perparitan tersumbat sehingga sawah mereka ditenggelami air dan tanaman padi rosak di Kampung Tok Pauh. (Foto Wan Nabil Nasir/BH)

rakhir sungai di kawasan kampung itu diselenggara adalah tujuh tahun lalu, namun ia kembali cetek.

Katanya, pesawah di dua kampung berkenaan pernah mengumpul wang sebanyak RM50 seorang untuk menyewa jengkaut bagi membuang kangkung di sungai itu, namun ia tidak dapat menyelesaikan masalah itu sepenuhnya.

"Sungai ini perlu didalamkan tapi kosnya terlalu tinggi, kami tak mampu nak sewa jengkaut untuk tempoh yang lama, lagi pun setiap kali musim padi, kami hanya

balik modal dan ada yang rugi, tambahan pula terpaksa bayar hutang kepada tauke padi dan MADA (beli benih).

"Aduan demi aduan dibuat termasuk dalam mesyuarat unit Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) tapi belum ada tindakan sewajarnya, kami bukan mahu mencari salah pihak lain tapi bantulah kami yang terpaksa menanggung kerugian setiap musim sejak lima tahun lalu," katanya yang lebih 40 tahun mengusahakan sawah.

Bagi pesawah, Rosli Ahmad,

52, keadaan itu menyebabkan dia terpaksa menanggung kos membayar sewa jentera membajak dan membeli benih sebanyak dua kali.

"Jika MADA tidak mengambil tindakan kami tak tahu bila kami boleh mula menabur benih, saya harap MADA mendengar aduan kami menerusi pihak media dan mereka ambil tindakan untuk bersih dan memperdalamkan sungai dengan segera.

"Keadaan sungai yang cetek ini juga menyebabkan air melimpah ke beberapa rumah penduduk pada musim hujan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27 /05/2024	KOSMO	NEGARA	15

'Kami mahu tanam padi bukan kangkung'

PENDANG – Pesawah di Bukit Raya di sini merayu pihak berkaitan menyelesaikan masalah saliran yang mengakibatkan bendang mereka tidak dapat diusahakan sejak lima tahun lalu.

Penduduk mendakwa, sebanyak 30 hektar sawah di kawasan itu terjejas ekoran sungai yang tidak diselenggara dengan baik sehingga mendatangkan pelbagai masalah termasuk banjir kilat.

Pesawah, Abd. Ghaffar Abd. Hamid, 45, berkata, kali terakhir mereka membuat aduan adalah pada 12 Mei lalu, namun masih belum mendapat maklum balas.

"Masalah sungai ini terlalu cetek, apabila hujan, bendang dan rumah kami dimasuki air. Selain itu, air sungai yang melimpah mengakibatkan pesawah tidak dapat mengusahakan bendang.

"Bendang sekarang mula di-



PETANI menunjukkan kangkung yang tumbuh ekoran padi tidak dapat ditanam kerana masalah saliran di Pendang semalam.

tumbuhi kangkung. Petani kerugian sejak lima tahun lepas, kami mahu tanam padi, bukan kangkung," katanya ketika ditemui di Kampung Alor Ali semalam.

Abd. Ghaffar berkata, sebelum ini mereka menyewa jengkaut

untuk mendalamkan sungai, namun masalah itu masih berulang.

Ahmad Fuzi Bahari, 62, pula berkata, setiap musim petani menanggung kerugian kerana tidak dapat mengusahakan sawah masing-masing.

"Bendang kami seperti laut. Bagaimana nak tabur benih? Kali terakhir sungai diselenggara tujuh tahun lepas," jelasnya.

Ahmad Fuzi berkata, mereka menaruh harapan tinggi agar masalah itu diselesaikan segera bagi mengelak petani kerugian.

"Kebanyakan kami berharap dengan bendang, kalau tiada bendang macam mana nak tanggung keluarga.

"Setiap musim banyak hutang yang kena bayar kepada tauke padi, tetapi kalau bendang tidak boleh buat nak cari duit daripada mana?" soalnya.

Rosli Ahmad, 52, memberitahu, ada petani terpaksa mengeluarkan modal untuk mengepam keluar air dari sawah.

"Air banyak macam mana hendak tabur benih padi? Jadi terpaksa pam keluar air, itu juga perlukan wang," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27 /05/2024	SINAR HARIAN	DALAM NEGERI	25

20 pesawah tanggung rugi akibat masalah perparitan cetek

PENDANG - Kira-kira 20 pesawah di Kampung Alor Ali dan Kampung Tok Pauh Mukim Bukit Raya di sini mengalami kerugian susulan masalah perparitan dihadapi.

Pesawah, Abdul Hamid Ghafar, 45, berkata, tali air di kawasan sawah seluas 30 hektar itu semakin cetek selain dipenuhi kangkung kerana tidak diselenggara dengan baik.

Menurutnya, keadaan itu berlarutan sejak lima tahun lalu walaupun aduan kepada pihak bertanggungjawab sudah diajukan beberapa kali.

Katanya, keadaan tersebut menyebabkan mereka gagal mengikut jadual tanaman ditetapkan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

"Macam mana kami nak ikut kalau setiap kali musim hujan air bertakung. Bila musim panas pula air tak boleh masuk ke dalam sawah sehingga padi terbantut.

"Setiap kali musim tanam padi juga kami akan rugi RM1,000 bagi setiap 0.3 hektar

yang diusahakan," katanya ketika ditemui di Kampung Alor Ali, Mukim Bukit Raya di sini pada Ahad.

Pesawah lain, Ahmad Puzi Bahari, 62, berkata kali terakhir tali air berkenaan diselenggarakan adalah kira-kira tujuh tahun lalu namun masalah sama berulang kembali.

Jelasnya, mereka pernah mengumpul wang sebanyak RM50 seorang untuk menyewa jengkaut bagi membuang kang-

kung di dalam tali air tersebut.

Bagaimanapun tambahnya, usaha tersebut tidak dapat menyelesaikan masalah dihadapi pesawah sepenuhnya.

"Tali air ini perlu didalamkan tapi kosnya terlalu tinggi dan kami tak mampu nak sewa jengkaut untuk tempoh yang lama.

"Lagi pun setiap kali musim padi, kami hanya balik modal dan terpaksa bayar hutang kepada tauke padi dan MADA bagi pembelian benih padi,"katanya.



Pesawah menunjukkan kawasan sawah yang masih ditakungi air.

Agrobank serah dana RM150,000

Kuala Lumpur: Agrobank menyerahkan dana sebanyak RM150,000 dalam sesi lawatan ke tapak Program Pembangunan Asnaf Aquapreneur di Pusat Latihan Akuakultur Ko-Nelayan (KATC), Tuaran, Sabah.

Program itu adalah kerjasama antara Agrobank Centre of Excellence (ACE), Koperasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (Ko-Nelayan Sabah), Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) dan Hidayah Centre Foundation.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, program pembangunan asnaf ini bertujuan mem-

beri pendedahan kepada peserta, yang terdiri daripada golongan asnaf-mualaf di Sabah mengenai ilmu akuakultur.

"Pihak Agrobank Centre of Excellence (ACE) menyediakan latihan dan kursus yang dapat meningkatkan ilmu keusahawanan mereka.

"Seramai 10 peserta terpilih akan menjalani sesi latihan selama enam bulan. Mereka dibekalkan dua set Aqua Starter Kit, 3,000 benih ikan keli, dedak ikan dan keperluan lain.

"Hasil ternakan ikan keli ini akan dijual semula kepada Ko-Nelayan Sabah pada harga yang ditetapkan," katanya.



SESI lawatan oleh Agrobank ke KATC di Tuaran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/05/2024	SINAR HARIAN	DALAM NEGERI	25

Suri rumah tak sangka menang lembu

Niat lakukan ibadah korban
sempena Aidiladha

Oleh NORMAWATI ADNAN
IPOH

Seorang suri rumah tidak menyangka kunjungannya ke program Showcase Satu Daerah Satu Industri (SDSI) dan Hari Jelajah Usahawan, Agro dan Koperasi Negeri Perak 2024 di Stadium Indera Mulia di sini membawa tuah apabila memenangi hadiah seekor lembu.

Sarimah Osman, 53, dari Kampung Pisang Batu Gajah berkata, kejutan menerusi cabutan bertuah itu merupakan pengalaman kali pertama di rasainya meskipun mengunjungi program seumpama itu.

"Pada mulanya saya menyangka hanya gurauan, tak sangka rupanya betul-betul menang lembu.

"Saya masuk cabutan bertuah pun secara kebetulan sebab suami dan anak ada beli sedikit barang keperluan yang dijual usahawan di karnival ini," katanya ketika ditemui Sinar Harian.

Hadiah utama cabutan bertuah berkenaan disampaikan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad sempena majlis perasmian pada Sabtu.

Lembu jantan jenis KK Cross seberat 300 kilogram itu merupakan sumbangan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC).

Sarimah berhasrat memanfaatkan hadiah dimenangkannya itu untuk menjalankan ibadah korban sempena Aidiladha bulan depan.

Buat masa ini katanya, lembu tersebut ditempatkan semula di kandang penternak atas faktor keselamatan.

"Nak simpan sendiri pun kami tiada tempat, jadi eloklah diletakkan sementara di sana dahulu.

"Saya dan keluarga sangat bersyukur kerana menang lembu. Ini rezeki kepada kami sekeluarga menjelang Aidiladha ini," katanya.

Program SDSI dan



Sarimah bersama suami, Maruzi Ahmad, 58, (kiri) dan anak, Muhamad Azim Maruzi, 30, mengangap kemenangan hadiah utama seekor lembu sebagai rezeki menjelang Aidiladha.

Haaa..nak bagi tahu,
ada sesuatu yang
MENARIK
menanti anda
Julai ini!
Karnival Rakyat

Hari Jelajah Usahawan, Agro dan Koperasi Negeri Perak 2024 anjuran bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STEP) itu berlangsung selama tiga hari sehingga Ahad.


Lebih 100 usahawan dari Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis terlibat dalam pelbagai kategori industri seperti makanan dan minuman, kraf tangan, inap desa dan perkhidmatan kesihatan.

Turut disediakan program Padanan Perniagaan (Padaniaga) yang melibatkan

lima pasar raya terkemuka termasuk Mydin dengan potensi padanan perniagaan bernilai RM1 juta.

Program Biaya Usahawan (Biaya) pula menawarkan peluang pembiayaan oleh lima agensi di bawah KUSKOP dan tujuh bank komersial dengan sasaran potensi pembiayaan berjumlah RM2 juta.

Selain itu, pelbagai aktiviti menarik turut disusun sepanjang tiga hari program berlangsung seperti sesi perkongsian kejayaan usahawan, demonstrasi produk dan permainan tradisional.



KAMARUDDIN Malek menunjukkan harumanis keluaran Mempelam Farm Sdn. Bhd. di Bukit Bintang 2, Sungai Batu Pahat, Perlis.



HARUMANIS akan diasingkan mengikut gred sebelum dipasarkan mengikut permintaan di seluruh negara.

MEMPELAM FARM HASILKAN 10 TAN HARUMANIS

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@kommedianjaya.com.my

MESKIPUN baru tahun pertama, namun Mempelam Farm Sdn. Bhd. yang mengusahakan ladang mempelam harumanis di Bukit Bintang 2, Sungai Batu Pahat, Perlis berjaya meraih hasil lebih 10 tan metrik buah itu musim ini dengan hasil jualan dijangka mencecah RM250,000.

Hasil berkenaan melibatkan keluasan tanaman 12.89 hektar membabitkan 1,720 pokok dan penjagaan teliti menyaksikan mereka menghasilkan buah cukup berkualiti untuk para pelanggan dari dalam dan luar negara.

Selepas hasil dikutip di ladang berkenaan, buah yang dipungut tersebut kemudian akan melalui proses pembungkusan sebelum dijual kepada para pelanggan dengan gred premium.

bagi musim pertama ini, jangkakan hasil adalah sebanyak 10 tan metrik atau lebih.

Katanya, buah berkenaan untuk pasaran pelawat yang datang di negeri ini selain pihaknya juga memasuki ekspso dan karnival-karnival jualan sekitar negeri ini dan Kedah.

Katanya, mereka juga menerima tempahan dari luar negeri ini dengan buah berkenaan diantar khususnya kepada para pelanggan dari Kuala Lumpur, Johor dan negeri-negeri lain termasuk di Singapura.

"Harga yang dijual pula ialah RM120 bagi tiga kilogram selain dibungkus dengan kotak eksklusif dan penghantaran pula adalah percuma. Proses berk-



KAMARUDDIN Malek sentiasa turun padang bagi meninjau proses kutipan harumanis keluaran syarikatnya. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

enaan sudah bermula sejak Mac dengan buah yang dipungut itu akan dibawa ke pusat pengumpulan.

"Selepas itu, kita akan merawat buah berkenaan dan mengumpulkan mengikut gred bagi memastikan buah benar-benar berkualiti untuk para pelanggan," katanya.

Tambah beliau, kaedah pengedaran buah mempelam harumanis adalah mengikut saiz dan berat dengan gred A meliputi berat 370 sehingga 600 gram sebij.

"Gred B pula anggaran 330 hingga 369 gram dan buah berkenaan semua sama, cuma membezakan saiz dan berat buah sahaja.

Mempelam Farm juga melibatkan antara 10 hingga 12 pekerja di ladang.

"Antara karnival atau ekspso yang kita sudah masuk untuk jualan berkenaan seperti perkampungan sunnah, di Universiti Malaysia Perlis (Unimap) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) dan pelbagai lagi.

"Alhamdulillah sambutan sangat memberangsangkan khususnya pelanggan dari luar yang ingin menikmati keenakan harumanis Perlis yang hanya setahun sekali ini," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, syarikat berkenaan juga ke arah mewujudkan pusat pengumpulan dan pemprosesan sendiri selepas ini bagi menampung hasil pada musim-musim akan datang.

Selain itu, katanya, mereka juga bercadang menghasilkan

produk-produk berasaskan harumanis dalam tempoh terdekat ini.

"Antaranya seperti menghasilkan jus harumanis, aiskrim, gula-gula, wafer dan pelbagai lagi produk berasaskan harumanis yang sememangnya mendapat sambutan orang ramai terutama pada musim buah itu," katanya.

Sementara itu, katanya, syarikat berkenaan juga dalam perancangan ke arah penggunaan kecerdasan buatan (AI) khususnya untuk pengawalan tanaman.